

03 DEC 1997

Mahathir-Minyak

KABINET TOLAK KENAIKAN HARGA MINYAK MASAK

LANGKAWI, 3 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kabinet menolak kenaikan harga bagi minyak masak.

Katanya kabinet yang mengadakan mesyuarat mingguannya di pulau peranginan ini hari ini turut tidak bersetuju dengan cadangan mekanisme menetapkan harga yang mana mereka (pengeluar) menggunakan harga eksport dalam dollar Amerika dan menukarkannya ke dalam ringgit Malaysia.

"Jadi kita telah meminta mereka untuk tidak menaikkan harga tetapi mereka perlu menyelesaikan mekanisme bagi menetapkan harga," katanya kepada pemberita selepas membuat pemeriksaan kapal-kapal yang menyertai Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA '97) di sini.

Kontroversi minyak masak kelapa sawit tercetus ekoran cadangan Persatuan Minyak Makan Malaysia untuk menaikkan harga sehingga 30 peratus yang menerima bantahan orang ramai.

Ini membuatkan Kementerian Perusahaan Utama mencadangkan satu harga siling runcit ditetapkan bagi minyak sawit tulen RM3.15 dan minyak sawit campuran RM3.65 sekilogram mulai 1 Jan.

Menurut menteri berkenaan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik semalam, cadangan kementerian itu dijangka dipersetujui oleh kabinet hari ini,

"Mereka (kementerian) tidak meminta sebarang persetujuan kerana kita mahu mengkaji mekanisme bagi menetapkan harga," kata Dr Mahathir.

Mengenai Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC), beliau berkata kabinet tidak membincangkan perkara itu kerana kesuntukan masa disebabkan jadual yang ketat semasa Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 1997.

NEAC, yang dijadual ditubuhkan bulan ini, pada mulanya dicadangkan pada satu mesyuarat khas Majlis Tertinggi Umno yang dipengerusikan Dr Mahathir sebagai presiden parti pada 20 Nov.

Satu mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) yang turut dipengerusikan Dr Mahathir sebagai pengerusi BN keesokannya telah mempersetujui penubuhan NEAC yang akan menasihatkan dan membuat laporan dari semasa ke semasa kepada kabinet mengenai perkara berkaitan ekonomi negara.

NEAC akan mempunyai bilik operasi berkomputernya sendiri untuk menjalankan tanggungjawabnya itu. -- BERNAMA

JM RON